



KENYATAAN MEDIA

PERKESO KOMITED MEMBANTU PEKERJA YANG KEHILANGAN PEKERJAAN

KUALA LUMPUR - Merujuk kepada laporan-laporan akhbar mengenai pemberhentian pekerja dalam industri penerbangan tempatan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bersedia membantu kakitangan syarikat-syarikat penerbangan berkenaan dengan faedah-faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang sedia ada dan juga bantuan Kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

SIP PERKESO menyediakan perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan penggantian pendapatan menerusi **Elaun Mencari Pekerjaan** untuk tempoh **1 hingga 6 bulan**. Selain itu, mereka juga akan turut dibantu mendapatkan pekerjaan baharu menerusi **Program Penempatan Pekerja Semula**.

Untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja-pekerja yang telah kehilangan pekerjaan, PERKESO menyediakan **Latihan Vokasional dan Kemahiran** bagi mengukuhkan kepakaran dan pengetahuan mereka. Kursus-kursus latihan dan kemahiran dibiayai oleh PERKESO sehingga RM4,000 manakala peserta akan menerima **elaun latihan** sebanyak RM10 hingga RM20 sehari untuk tempoh maksimum 6 bulan.

PERKESO juga akan menyalurkan bantuan Kerajaan melalui inisiatif PENJANA iaitu **Program Insentif Pengambilan Pekerja** menerusi platform **MYFutureJobs**. Program ini turut menyediakan latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*). Majikan yang menggajikan pekerja melalui program ini, boleh menghantar pekerja-pekerja mereka menjalani kursus latihan secara percuma untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan kecekapan dalam melaksanakan tugas baru.

Seperti kebiasaannya, PERKESO mengambil tindakan proaktif dalam menyalurkan bantuan kepada pekerja walaupun mereka belum mengemukakan permohonan faedah kepada PERKESO. Baru-baru ini, PERKESO melaksanakan satu program temuduga terbuka secara maya pada 22 dan 23 Oktober 2020, walaupun pekerja-pekerja terbabit belum mengemukakan lagi borang permohonan untuk faedah SIP.

Matlamat PERKESO adalah untuk memastikan segala bantuan yang ada, boleh disalurkan dengan kadar segera.

Berdasarkan statistik PERKESO, sehingga **28 Oktober 2020**, sebanyak **90,470** kes disahkan kehilangan pekerjaan dilaporkan kepada SIP PERKESO bagi permohonan faedah-faedah SIP. Dalam tempoh yang sama, seramai **33,341 Orang Berinsurans** di bawah SIP telah kembali bekerja menerusi program penempatan pekerjaan semula PERKESO dan Portal MYFutureJobs. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes berjaya penempatan pekerjaan semula termasuk di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja PENJANA yang diuruskan oleh PERKESO ialah **102,025 kes bekerja semula**.

PERKESO ingin menasihati pekerja-pekerja yang terlibat dalam pemberhentian kerja seperti Skim Pemisahan Sukarela VSS atau MSS dan sebagainya, supaya melayari laman web PERKESO, www.perkeso.gov.my bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung faedah-faedah SIP ataupun PENJANA, dan juga tatacara membuat permohonan. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi nombor careline PERKESO di **1300-22-8000**.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

2 November 2020